

TERHAD



TEKS UCAPAN

**LAWATAN RASMI YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN
KE
PANGKALAN UDARA GONG KEDAK**

20 OKTOBER 2024

TERHAD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Terima Kasih kepada pengacara majlis.
2. Segala puji bagi Allah SWT, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kita panjangkan kepada Nabi Muhammad SAW.
3. Yang Berbahagia Kol Mohd Norazan Bin Othman TUDM, Komander Pangkalan Udara Gong Kedak,
4. Barisan pegawai memerintah, ketua-ketua cawangan dan pegawai kanan Pangkalan Udara Gong Kedak, perwira dan perajurit yang saya kasihi sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Selamat Sejahtera

5. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinnya, kita semua masih diberi kesihatan dan kekuatan untuk bersama-sama berkumpul pada tengahari ini, bersempena dengan majlis ramah mersra bersama warga Pangkalan Udara Gong Kedak.

TERHAD

Tuan-Tuan dan Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

6. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Komander pangkalan, pegawai-pegawai kanan serta tuan/puan kerana sudi menerima kunjungan saya beserta delegasi pada hari ini. Ianya merupakan satu penghormatan yang besar kepada kami. Terima kasih saya ucapkan.
7. Tujuan utama lawatan saya ke Pangkalan Udara Gong Kedak adalah untuk memahami dan melihat sendiri secara fizikal berkenaan dengan fasiliti, aset dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak TUDM khususnya di PU Gong Kedak. Inshaa Allah, perkara-perkara yang dibincangkan sebentar tadi dan yang memerlukan perhatian lanjut, akan saya bawa ke peringkat pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan.
8. Setinggi penghargaan di atas taklimat dan penerangan yang diberikan kepada saya semasa lawatan di Hangar, Simulator, Matra 3 dan Skn 321 pada pagi tadi. Pastinya, lawatan singkat ini telah memberikan gambaran yang cukup jelas mengenai pengoperasian PU Gong Kedak. Kefahaman ini sedikit sebanyak akan membantu saya untuk memberi maklum balas yang lebih teratur dan konstruktif semasa sesi sidang Parlimen.
9. Saya amat kagum dengan komitmen yang telah diberikan oleh setiap pegawai dan anggota PU Gong Kedak dalam memastikan pengoperasian terutamanya pesawat sentiasa berada dalam keadaan maksimum demi mempertahankan keamanan dan kedaulatan ruang angkasa Malaysia.

TERHAD

10. Dalam memastikan kesiapsiagaan TUDM, tidak dinafikan Kerajaan Madani sentiasa berusaha untuk meningkatkan peruntukan Kementerian Pertahanan.
 - i. Bagi tahun 2024, pelbagai perolehan sedang dilaksanakan oleh Kementerian melibatkan **peningkatan aset dan kelengkapan** seperti sistem radar, peningkatan keupayaan pesawat F18 dan C130, kenderaan gunasama operasi TUDM, Unmanned Aerial System (UAS), Maritime Patrol Aircraft (MPA), A400M dan Light Combat Aircraft (F/A 50); dan
 - ii. **Pengoperasian pangkalan serta kesejateraan warga TUDM** turut menjadi keutamaan. Dengan itu, proses perolehan pembinaan melibatkan pagar keselamatan, menaik taraf saluran paio air bersih, pembinaan lapang sasaran serta RKAT sedang giat dilaksanakan melibatkan pangkalan-pangkalan TUDM di Butterworth, Kuantan, Gong Kedak serta Labuan.
11. Insyallah, saya akan berusaha meneliti dan memantau perkembangan ini di peringkat saya demi membantu pengoperasian TUDM. Sama-sama kita doakan kejayaan TUDM dalam usaha untuk meningkatkan kesiapsiagaannya.

Hadirin sekalian,

12. Dikesempatan ini juga, saya berbesar hati untuk menghulurkan sedikit sumbangan kepada pejuang negara dan keluarga yang menghadapi penyakit kronik.

TERHAD

13. Mendepani kehidupan ini, kita sebagai hambanya sudah pasti diuji dalam pelbagai bentuk. Sudah pasti setiap ujian itu adalah tanda kasih sayang Allah SWT kepada setiap hambaNya, dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan diberikan kesembuhan dan sentiasa berada di bawah lindunganNya. Semoga sumbangan yang dihulurkan ini dapat meringankan kesulitan yang dihadapi oleh tuan-tuan dan puan-puan.
14. Selain itu, saya juga berbesar hati menyumbangkan wang kepada Masjid Ar-Raudah bagi memperbaiki *speaker* masjid yang telah rosak. Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua kariah masjid di sekitar pangkalan.
15. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan-dan puan-puan dalam menerima kunjungan daripada kami. Segala persiapan dan fasilitis yang diberikan kepada saya dan delegasi amatlah dihargai, dan saya berharap kita akan berjumpa lagi pada masa akan datang.
16. Sebelum mengakhiri ucapan, marilah kita bersama-sama memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga semua warga PU Gong Kedak serta ahli keluarga sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerah kesihatan dan keselamatan dalam menjalani kehidupan harian. Tidak dilupakan juga, semoga Allah SWT sentiasa memberi perlindungan, ketabahan serta kekuatan kepada saudara seislam kita di Palestine, Lubnan dan yang terkesan daripada kekejaman rejim Israel.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.